

1974

KUALA LUMPUR, 30 SEPTEMBER (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED TELAH BERSETUJU UNTUK MENYELESAIKAN DENGAN MEMUASKAN TANGGA GAJI GURU-GURU DALAM KATEGORI B1 DAN B2.

INI ADALAH HASIL PERTEMUAN ANTARA MENTERI ITU DENGAN JAWATANKUASA BERTINDAK KEBANGSAAN KESATUAN-KESATUAN GURU PADA HARI SABTU LALU.

SETIAUSAHA JAWATANKUASA ITU, ENCIK HARIM ABDULLAH MEMBERITAHU HARI INI, PIHAKNYA BERHARAP KERAJAAN AKAN DAPAT MENGATASI SEGERA SOAL ITU DAN +KALAU BOLEH DALAM TAHUN INI JUGA SUPAYA PELAKSANAANNYA DIBUAT TAHUN DEPAN.+

BELIAU MEMBERITAHU BAHWA JAWATANKUASA ITU DAN WAKIL-WAKIL 12 BUAH KESATUAN YANG BERGABUNG AKAN MENGADAKAN MESYUARAT PADA 11 OKTOBER INI UNTUK MEMBINCANGKAN TAWARAN GAJI BARU KEPADA GURU-GURU DALAM KATEGORI B1 DAN B2.

TAWARAN GAJI MAKSIMA BAGI GURU-GURU KATEGORI B1 IALAH \$730 (MAKSIMA GAJI LAMA \$580) DAN KATEGORI B2 IALAH \$580 (MAKSIMA GAJI LAMA \$380). --BERSAMBUNG 1150/IK

516

GAJI 2 KUALA LUMPUR.

BELIAU MENGALU-ALUKAN KEPUTUSAN DR. MAHATHIR UNTUK MENGADAKAN SEGERA LATIHAN KEPADA KIRA-KIRA 12,000 ORANG GURU SEMENTARA DI SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN.

LANGKAH ITU ADALAH BIJAK DAN DAPAT MENGATASI MASALAH KEKURANGAN TENAGA PENGAJAR YANG TERLATIH.

MENURUTNYA, GURU-GURU SEMENTARA MEMANG LAYAK KERANA MEREKA MEMPUNYAI KELULUSAN YANG BAIK DALAM SATU-SATU MATA PELAJARAN TETAPI MALANGNYA MEREKA MENDAPAT GRED TIGA DALAM SPM.

KERANA ITU DALAM PEMILEHAN JAWATAN GURU, MEREKA TIDAK DAPAT BERSAINGAN DENGAN MEREKA YANG MENDAPAT GRED SATU DAN DUA.

BELIAU BERHARAP PIHAK KEMENTERIAN AKAN MEMBERI PELUANG MENJALANI LATIHAN ITU KEPADA MEREKA YANG AKAN TAMAT TEMPOH PERKHIDMATAN Hujung TAHUN INI TANPA MEMBERHENTIKAN MEREKA.

ENCIK KARIM MENSIFATKAN KEPUTUSAN DR. MAHATHIR ITU SEBAGAI MEMBERI HARAPAN BAIK KEPADA SEMUA GURU SEMENTARA YANG ADA SEKARANG. --BERNAMA 1157/IK

77